KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	PERHILITAN			

SUSULAN ANCAMAN SERANGAN HARIMAU

Sesi persekolahan ditangguh

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Gua Musang

Sesi persekolahan penggal ketiga Sekolah Kebangsaan (SK) Bihai di sini, secara bersemuka yang sepatutnya bermula kelmarin terpaksa ditangguhkan berikutan mengalami ancaman serangan harimau.

Pengurusan sekolah berkenaan dikatakan mengambil pendekatan untuk meneruskan sesi pembelajaran dan pengajaran dari rumah (PdPR).

Surat pekeliling yang dikeluarkan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Gua Musang memaklumkan pembukaan sekolah secara bersemuka ditangguhkan dan diteruskan secara PdPR.

Katanya, PdPR diteruskan sehingga Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) memberi jaminan keselamatan bahawa ancaman serangan harimau sudah berakhir.

"Sehubungan itu, guru-guru SK Bihai dikehendaki untuk melapor diri dan menyediakan modul PdPR di beberapa sekolah di sekitar Bandar Gua Musang," kata notis berkenaan.

Dalam kejadian Jumaat lalu, lelaki Orang Asli maut dibaham harimau dalam kejadian di Kampung Sau dekat Pos Bihai.

Mangsa dikenali sebagai Anek Along yang ketika kejadian sedang menumbuk padi huma bersama anak perempuannya di belakang rumah jam 9.10 pagi.

Susulan serangan berkenaan, Perhilitan Kelantan melakukan pemantauan dan kawalan di perkampungan berkenaan selain turut memasang dua perangkap berkamera iaitu di Kampung Tendrik dan Kampung Hak.

Pengarahnya, Mohamad Hafid Rohani dilaporkan berkata, setakat ini, pihaknya belum menangkap dua harimau belang yang dilaporkan berkeliaran di Kampung Remau, Pos Bihai pada Disember lalu sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk Orang Asli.

> "Guru dikehendaki untuk melapor diri di beberapa sekolah di sekitar Bandar Gua Musang"
> PPD

Sementara itu, usaha pihak media untuk mendapatkan pengesahan daripada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri setakat ini masih gagal kerana panggilan tidak dijawab.



Periksa dulu!

SEORANG murid Sekolah Kebangsaan Pantai, Seremban menjalani pemeriksaan suhu badan oleh pengawal keselamatan bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sebelum memulakan sesi pembelajaran di sekolah berkenaan, semalam.